## 'Amalkan semangat keluarga dunia'

Oleh Rohaniza Idris - Julai 5, 2022 @ 12:01pm
roha@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengajak komuniti antarabangsa bekerjasama dengan mengamalkan semangat keluarga dunia dan tidak mengambil tindakan bersendirian dalam menghadapi cabaran global.

Perdana Menteri berkata, pandemik COVID-19 telah mengajar bahawa cabaran global yang berlaku kini tidak boleh diatasi secara bersendirian atau 'silo'.

Katanya, ekonomi dan politik dunia kini berdepan dengan situasi pasca pandemik yang kompleks selain terdapatnya persaingan semakin sengit antara kuasa besar dunia.

'Di Eropah, misalnya kita menyaksikan konflik yang memberikan kesan amat dahsyat bukan hanya kepada penduduk negara terbabit tetapi tempiasnya turut dirasai di seluruh dunia.

'Berikutan itu, penting sekali bagi komuniti antarabangsa melipatganda persediaan berdepan dengan ketidaktentuan serta bekerjasama ke arah masa hadapan yang lebih aman, progresif, inklusif dan makmur,'katanya dalam ucaptama sempena Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik (APR) ke-35, hari ini.

Perdana Menteri berkata, di Malaysia, semangat 'Keluarga Malaysia' dilaksanakan untuk menjalin kerjasama yang inklusif; mementingkan kebersamaan dan bukannya perbezaan serta mengutamakan golongan yang paling memerlukan.

'Ternyata ia dapat membuka ruang ke arah mencapai jalan penyelesaian yang lebih baik,' katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, dunia kini melalui hari-hari yang kritikal akibat peningkatan konflik politik sejagat seperti di Myanmar, Wilayah Palestin dan terbaharu perang Russia-Ukraine yang mencetuskan krisis kemanusiaan.

Katanya, Malaysia menegaskan peperangan dan keganasan perlu dihentikan segera dan prinsip dalam undang-undang antarabangsa dan resolusi Pertubuhan Bangsabangsa Bersatu (PBB) harus dipatuhi.

Beliau berkata, masyarakat antarabangsa pernah bersatu teguh menangani masalah sejagat dengan memberi bantuan kemanusiaan, namun mereka masih dibelenggu isu ketidak samarataan dalam menangani krisis politik tertentu seperti dalam membantu pelarian dengan membezakan mereka 'yang boleh diterima' dan juga sebaliknya.

'Sehubungan itu, saya menggesa kita berpegang kepada nilai-nilai masyarakat antarabangsa yang inklusif dan mempunyai sikap perikemanusiaan sejagat serta tidak lagi mengulangi kesilapan lalu,' katanya.

Mengulas mengenai ASEAN, Ismail Sabri berkata organisasi itu sentiasa berpegang teguh dengan prinsip asasnya yang mengutamakan kepaksian ASEANdalam menghadapi cabaran lalu dan masa depan.

'Prinsip asas seperti saling bekerjasama dan menghormati kedaulatan negara serta semangat membimbing negara anggota ke arah keamanan dan kemakmuran serantau menjadi resipi kejayaan di rantau ini.

Sehubungan itu, ASEAN muncul sebagai gagasan yang dihormati dan dipercayai bagi mekanisme pelbagai hala serantau. Namun, kepaksian rantau ini akan terus diuji dengan tekanan dalaman dan luaran,' katanya.

Justeru, katanya ASEAN memerlukan kombinasi mekanisme berbentuk dua hala, pelbagai hala dan bahkan minilateral serta cadangan kreativiti dan sokongan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk berjaya.

'Ketika persaingan antara kuasa besar dunia menghasilkan cabaran yang tersendiri kepada rantau ini, ia tidak seharusnya memudaratkan. Malah, libat urus secara proaktif dengan kuasa besar akan memberikan manfaat kepada rantau ini, dengan syarat kita mampu melakukannya.

"Dalam situasi sebegini, rantau ASEAN seharusnya bersedia menghadapi persaingan kuasa besar dengan bijak. Keutuhan ASEAN akan memberikan kesan positif kepada kita dan disebabkan itu ia perlu terus kukuh dan produktif serta kekal menjadi paksi kepada libat urus serantau ke arah membentuk norma baharu di rantau ini," katanya.

Beliau juga menegaskan kepentingan China di rantau ini tidak boleh dinafikan kerana sejak 2009 negara itu kekal menjadi rakan dagang utama ASEAN.

Katanya, pada 2020, ASEAN mengatasi Kesatuan Eropah sebagai rakan dagang utama China dan melihat kepada ekonomi dan kedudukan strategik

China, ASEAN berharap dapat mengekalkan hubungan yang positif dan stabil dengan Beijing.

Beliau juga menegaskan pada masa sama, ASEAN juga harus terus memperkemaskan hubungan ekonomi dan diplomatik dengan Amerika Syarikat berdasarkan rasa saling hormat menghormati dan semangat setiakawan yang tinggi.

"Amerika Syarikat, China dan Asia Tenggara harus memastikan semangat yang mengikat hubungan dua hala dan pelbagai hala dipelihara dan diperkukuhkan, berdasarkan kepada pematuhan undang-undang antarabangsa yang telah lama wujud,' katanya.